



UPM Hasil Alat Proses Buah Tiga Fungsi



Dr. Siti Mazlina(kanan sekali) bersama pasukan penyelidikinya menunjukkan cara menggunakan mesin pamarut kepada media.

SERDANG, 29 Okt– Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dari Fakulti Kejuruteraan telah menghasilkan sebuah alat yang dapat memudahkan proses memarut, mengupas dan memotong buah-buahan serta sayur-sayuran, iaitu Pamarut dan Pengupas Buah.

Perbezaan alat tersebut dengan pengupas lain di pasaran ialah ia dilengkapi dengan multi-fungsi memarut, mengupas dan memotong secara automatik.

Ketua penyelidik, Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal berkata alat yang bersifat 'hygienic' itu menjimatkan masa, mengurangkan kos operasi dan mampu mengupas buah pada kadar yang tinggi selain meningkatkan kecekapan pemprosesan produk buah-buahan.

"Alat yang dianggarkan berharga dari RM100 hingga RM150 ini sesuai digunakan untuk pelbagai jenis buah bersaiz kecil dan sederhana termasuk buah-buahan eksotik seperti buah naga.

Manakala sayur-sayuran yang boleh dikupas menggunakan alat ini seperti timun, kentang, dan keledak," katanya pada sidang media produk baru UPM di sini.

Produk yang telah memenangi pingat emas dan anugerah 'The Best Award' pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2009 itu telah difailkan patennya pada tahun 2008.

"Kami berharap produk ini boleh dikomersilkan kepada usahawan-usahawan industri kecil, pengusaha pemprosesan buah-buahan dan sayur-sayuran, institut-institut penyelidikan makanan, pengusaha-pengusaha hotel dan restoran serta pengguna harian," katanya yang turut dibantu oleh dua lagi penyelidik, iaitu Nur Aliaa Abd Rahman dan Wan Zuha Wan Hasan.



Dr. Siti Mazlina bersama produknya.

Pada majlis yang sama, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UPM Prof. Dr. Abu Bakar Salleh mengumumkan kejayaan UPM meraih anugerah di pameran penyelidikan *The British Invention Show* (BIS) yang telah diadakan di London baru-baru ini dengan mendapat 8 emas, 1 perak dan 1 anugerah khas.

Katanya projek penyelidikan '*Sensor-Less Positioning System For Linear Dc Motor*' oleh Dr. Norhisham Misron telah meraih anugerah khas '*Double Gold*' di bawah kategori '*Consumer*' selain membawa pulang pingat emas bagi kategori yang sama.

Projek tersebut merupakan motor tanpa penderia (sensor) dalam industri robotik yang lebih efektif dari segi kos, ketepatan, pergerakan, kualiti yang lebih baik, terbaru dan belum lagi diaplikasikan dalam mana-mana industri baik dalam mahupun luar negara.

Selain itu, 7 produk penyelidikan lain yang dianugerahkan pingat emas ialah '*Shortcut and Rapid Protocol of Isolating and Developing DNA Microsatellite Markers for River Catfish*' (Prof. Dr. Siti Shapor Siraj), '*Treatment of Oilfield Produced Water with Isolated Tropical Hypersaline Microorganisms in Rapid Spatial Planner*' (Prof. Madya Dr. Rahinah Ibrahim), '*A Composite Framework for Textbook Evaluation*' (Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan), '*Ezy Cooker*' (Dr. Rosnah Shamsudin) dan '*Formulation of Tropical Cellulose Kenaf Fibre Compound for Malaysian Cars*' (Dr. Khalina Abdan) serta satu pingat perak bagi produk '*Wondermomo – Biodegradable Portable Charger*' (Bakri Bakar).

Produk yang dipertandingkan mewakili produk-produk terbaik dari 15 buah negara termasuk USA, Iran, Rusia, Korea, Croatia dan Britain.

Prof. Abu Bakar berkata produk-produk yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik UPM semakin mendapat tempat di pasaran.

"Selain pengiktirafan, kita juga berharap bahawa produk-produk kita dapat diterima oleh masyarakat dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kita juga terbuka untuk menerima cadangan daripada pihak luar untuk menghasilkan sesuatu produk yang dapat menjana kualiti hidup," katanya.



Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Abu Bakar berkongsi kejayaan bersama barisan penyidik UPM.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.